**JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA**
No 20, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62551 WP PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-8000 8000
Faks: 603-8880 8288
Laman Web: www.jpn.gov.my
E-mel: pro@jpn.gov.my

**SEGERA DENGAN FAKS**

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (73)
Tarikh : 10 Oktober 2016

**Ketua Pengarang**
**Harian Metro**

Telah difakskan pada: 10 OCT 2016

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR HARIAN METRO BERTAJUK "GELODAK HATI SIAPA PEDULI" BERTARIKH 4 OKTOBER 2016, SELASA – M.S: 40 (JOHOR)**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Puan Aminah binti Sahidin berkaitan enam (6) orang anak beliau yang tiada sebarang dokumen pengenalan diri. Ingin dijelaskan, semakan mendapati hanya lima (5) daripada anaknya yang tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri.

4. Ingin dimaklumkan, permasalahan beliau ini sebenarnya telah diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Johor sejak Januari 2016. Semasa permohonan daftar lewat anak beliau diproses, terdapat dokumen yang tidak lengkap dan surat kuiri telahpun dihantar ke alamat kediaman beliau pada 21 Februari 2016.

5. Oleh yang demikian, Puan Aminah binti Sahidin telah hadir ke JPN Daerah Pasir Gudang pada 6 Oktober 2016 bagi melengkapkan maklumat yang dikuiri. Sehubungan dengan itu, JPN telahpun memproses permohonan tersebut dan keputusan akan dimaklumkan kepada beliau melalui JPN Negeri Johor.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**
Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.
☎ : 03-88807077
🖷 : 03-88808288
✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBrs. Tuan KPPN
2. YBrs. Tuan TKPPN (P)
3. YBhg. Tuan TKPPN (O)